

14 MAR 1999
Abdullah-Sabah
KETUA MENTERI SABAH DIKETAHUI ESOK

KOTA KINABALU, 14 Mac (Bernama) -- Ketua Menteri baru Sabah akan diketahui esok, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Katanya, Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah Tan Sri Bernard Dompok akan mengadakan perbincangan dengan semua ketua parti komponen BN negeri sebelum memutuskan siapa yang bakal menjawat jawatan itu.

"Esok benda ini (calon Ketua Menteri) mesti ditentukan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Dompok dan Ketua Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Osu Sukam di sini.

Ketika ditanya adakah bakal calon itu daripada suku kaum Kadazandusun, beliau berkata: "Saya tidak mahu membuat spekulasi."

Dompok menjadi Ketua Menteri sehingga beliau tewas di kawasan Moyog dalam pilihan raya negeri semalam. Beliau mendapat 6,482 undi dan tewas kepada Datuk Clarence Bongkos Malakun dari Parti Bersatu Sabah yang memperolehi 10,870 undi.

Mengikut sistem penggiliran Ketua Menteri, Dompok yang mewakili Bumiputera bukan Islam dilantik sebagai Ketua Menteri tahun lepas menggantikan Datuk Yong Teck Lee dari Parti Maju Sabah (SAPP), yang mewakili kaum Cina.

Dompok ketika ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Abdullah berkata upacara angkat sumpah ketua menteri dan pembentukan kerajaan negeri yang diterajui oleh BN akan diadakan esok di Istana Negeri di sini.

Pagi tadi, beliau memaklumkan kepada Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Sakaran Dandai berhubung keputusan pilihan raya negeri semalam yang menyaksikan BN memenangi 31 kerusi daripada 48 kerusi. PBS memenangi baki 17 kerusi lagi.

Osu yang ditemui enggan mengulas mengenai pelantikan ketua menteri sambil berkata Dompok akan mengeluarkan kenyataan berhubung perkara itu lewat hari ini.

Ditanya adakah beliau akan dilantik sebagai ketua menteri baru, beliau berkata: "no, no, no".

Osu turut berlepas ke Kuala Lumpur bersama Abdullah petang ini dan dijangka menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini bagi berbincang mengenai ketua menteri dan susunan kabinet kerajaan Sabah yang baru.

-- BERNAMA